

TAPAK pelupusan sampah Sungai Udang, Melaka hanya mampu bertahan bagi tempoh dua bulan untuk menampung kira-kira 50,000 tan sisa buangan di negeri itu. — UTUSAN/SURAYA ZULKIFLI



ISMAIL OTHMAN (depan) ketika meninjau tapak pelupusan sampah Sungai Udang, Melaka, semalam.



Atasi tapak pelupusan sampah kritikal di Sungai Udang

Segera bina insinerator

Oleh **NURSURAYA ZULKIFLI**
kota@utusangroup.com.my

■ MELAKA 26 JULAI

KERAJAAN negeri akan berusaha memastikan sistem pelupusan sampah secara insinerator dapat disegerakan bagi mengatasi masalah Tapak Pelupusan Sanitari di Sungai Udang yang dilaporkan berada dalam keadaan kritikal.

Kebimbangan ini berikutan tapak pelupusan sanitari yang ada ketika ini dijangka hanya mampu bertahan bagi tempoh dua bulan sahaja untuk menampung kira-kira 50,000 tan sisa buangan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman berkata, antara langkah yang dicadangkan termasuk memperluaskan sel tapak pelupusan sampah itu dengan membuka sel kedua lebih besar di tapak bersebelahan fasa pertama.

“Kita berharap pembinaan itu dapat disegerakan secepat mungkin dan dijangka fasa kedua sel itu dapat disiapkan dalam tempoh empat bulan dengan kawasan seluas 0.9 hektar dan mampu menampung sisa untuk tempoh beberapa tahun akan datang,” katanya ketika ditemui selepas melawat pusat pelupusan sampah tersebut di sini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Ismail Hasim dan Pengurus Operasi SWM Environment Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan, Hisham Hussin.

Kerajaan negeri pada pertengahan Jun lalu bersedia untuk menjadi negeri pertama melaksanakan sistem pelupusan sampah secara insinerator bagi mengatasi masalah Tapak Pelupusan Sanitari di Sungai Udang yang dilaporkan berada dalam keadaan kritikal.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron sebelum ini berkata, beliau sudah menghantar satu pasukan ke tapak pelupusan itu bagi meli-

hat bagaimana penyelesaian terbaik bagi menangani masalah kawasan di situ yang semakin terhad.

Sehingga awal bulan ini sahaja kata Ismail, pusat pembuangan itu telah menampung kira-kira 720,000 tan sisa sejak dua tahun ia beroperasi.

Menurutnya, sisa buangan yang terdapat di kawasan itu melebihi kapasiti iaitu 620,000 tan dan kini hanya tinggal lima peratus selepas tapak pelupusan itu digunakan semaksimumnya.

“Setiap hari lebih 800 hingga 1,200 tan sampah dibuang di tapak ini dan jumlah itu kebiasaannya meningkat pada cuti hujung minggu iaitu 1,200 hingga 1,500 sehari selain boleh mencapai hingga 28,000 tan sebulan.

“Timbunan sisa di kawasan seluas 0.4 hektar ini juga semakin meninggi iaitu lebih 15 meter tahap kecerunannya dan dikuatiri boleh membahayakan kira-kira 300 buah lori lalu lalang di sini untuk menghantar sisa buangan setiap hari,” jelasnya.